

Mimik MukaKu

Oleh

Adli Aziz Bin Abdilah
blackvivasixtynine@gmail.com

ABSTRAK

Kajian Tindakan yang telah dijalankan ini bertujuan untuk membantu kanak-kanak Prasekolah B, Sekolah Kebangsaan Cemerlang dalam mengenali dan menyebut suku kata dengan menggunakan mimik muka. Sampel kajian terdiri daripada 3 orang murid dari Prasekolah B Sekolah Kebangsaan Cemerlang yang masih tidak boleh mengenali dan membunyikan suku kata. Pemerhatian telah dibuat ke atas sampel kajian dan percubaan untuk melihat kesesuaian aktiviti yang dibuat dalam pembelajaran dan pengajaran. Data yang dikumpul adalah berdasarkan pemerhatian, kaji selidik dan temu bual. Keputusan kajian menunjukkan bahawa penggunaan mimik muka dalam pengajaran menyebut suku kata adalah berkesan dan boleh membantu murid yang lemah dalam menyebut suku kata di samping memberi keseronokan kepada murid untuk belajar.

Kata kunci: mimik muka, suku kata, prasekolah, mengeja, kanak-kanak

ABSTRACT

This proposed action research which has been conducted was designed to assist children in pre-school B of Sekolah Kebangsaan Cemerlang in identifying and pronouncing words using facial expressions. The sample consisted of three students from that preschool who are still unable to identify and pronounce words correctly. Observations and trials have been made to the research sample in order to determine whether the activity was suitable to be conducted in the process of teaching and learning. Data were gathered based on investigation, observation and interviews. The findings showed that by using facial expressions in teaching has helped weak students tremendously in pronouncing correctly and at the same time was fun for the process of learning.

Key words: Facial expression, words, preschool, spelling, children

PENGENALAN

Konteks

Pembelajaran formal bagi seorang kanak-kanak bermula dari peringkat prasekolah. Disinilah mereka diberi pendidikan asas sebelum melangkah ke alam persekolahan sebenar. Sebelum menjejakkan kaki ke sekolah rendah, murid seharusnya dibekalkan dengan penguasaan 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul. Jika terdapat kanak-kanak yang gagal dalam menguasai 3M ini, maka mereka akan dimasukkan ke dalam kelas pemulihan dan akan mengikuti kelas Linus bagi yang tidak boleh membaca.

Justeru, pembelajaran di Prasekolah amat penting bagi mengelakkan mereka daripada masuk ke kelas pemulihan atau Linus serta boleh mengikuti kelas perdana yang normal mengikut kanak-kanak yang lain. Jika mereka tidak boleh membaca, mereka akan ketinggalan dalam pembelajaran dan ini akan menyukarkan mereka untuk mengikuti pembelajaran yang seterusnya dan ketinggalan semasa sesi pembelajaran dan pengajaran berlangsung. Oleh itu, kanak-kanak prasekolah disarankan menguasai 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul supaya mereka dapat meneruskan pembelajaran yang normal dan tidak ketinggalan dalam pembelajaran yang mereka ikuti.

Kajian juga telah dilaksanakan di Prasekolah B Sekolah Kebangsaan Cemerlang bagi mengumpul data tentang kanak-kanak yang lemah dalam mengeja dan menyebut suku kata. Sepanjang pemerhatian yang telah dijalankan terhadap kanak-kanak tersebut, terdapat beberapa kanak-kanak yang masih tidak boleh mengeja dan menyebut suku kata dengan fasih. Ada dalam kalangan kanak-kanak tersebut tidak kenal dengan huruf walaupun sesi persekolahan telah mencecah lebih 6 bulan. Kanak-kanak tersebut masih tidak dapat membezakan huruf. Jika diminta menyanyikan lagu ABC, mereka boleh menyebut dengan lancar tetapi apabila huruf ditunjukkan satu persatu, murid tersebut tidak mengenalinya.

Dengan menggunakan teori behavioris, yang juga telah diperkenalkan oleh B.F Skinner (1957) dipetik dalam buku Mohd. Sharani Ahmad yang bertajuk *Mengurus Kanak-kanak yang Susah Belajar* (2004), teknik peneguhan amat sesuai digunakan. Menurut beliau, peneguhan perlu diberikan kepada kanak-kanak pada peringkat umur 4-6 tahun supaya mereka boleh mengingat apa yang telah dipelajari mereka sepanjang bersama dengan guru. disamping itu juga, kanak-kanak bukan sahaja diberi peneguhan di Prasekolah sahaja, bahkan di rumah juga. Ibu bapa memainkan peranan dalam memberi pengukuhan dan peneguhan positif supaya kanak-kanak boleh menguasai suku kata.

Kajian yang saya laksanakan ini juga banyak membantu membuat perubahan terhadap kanak-kanak yang lemah yang telah diberi perhatian dalam mengeja dan mengenal suku kata. Antaranya perubahan yang berlaku ialah kanak-kanak boleh mengenal huruf dari huruf A sehingga huruf Z yang pada mulanya tidak mengenali huruf tersebut walaupun mereka menyanyikan lagu ABC pada setiap pagi sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, perubahan yang jelas

sekali adalah kanak-kanak yang difokuskan tersebut sudah boleh mengeja suku kata terbuka dengan baik dan tidak lagi perlu mengharapakan guru untuk membantu.

Refleksi Pembelajaran dan Pengajaran

Semasa menjalankan sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas Prasekolah B, saya telah menggunakan pelbagai cara dan teknik dalam mengajar di Prasekolah B tersebut. Pada pertama kali saya mengajar kanak-kanak Prasekolah B ini, saya hanya mengajar secara lisan dihadapan kelas. Cara ini biasa digunakan oleh guru dalam mengajar murid untuk mengenal huruf dan suku kata.

Kaedah ini merupakan cara tradisional yang digunakan sejak dahulu lagi dan cara ini mungkin tidak boleh digunakan dan mungkin kurang relevan digunakan kepada kanak-kanak pada zaman yang serba moden ini. Kanak-kanak tidak dapat diajar dengan cara "one way learning" iaitu murid menerima pengajaran guru sahaja tanpa ada perbincangan atau percambahan idea. Dalam hal ini, murid juga perlu diberi peluang untuk berfikir dengan cara yang kreatif supaya apa yang mereka pelajari dapat diadaptasikan dalam kehidupan harian mereka. Jika proses pengajaran satu hala sahaja, IQ murid tidak akan berkembang dan mereka juga hanya menerima input daripada guru dan guru tidak membuat penilaian tahap perkembangan yang telah mereka peroleh. Oleh itu, pengajaran ini tidak boleh dilaksanakan kepada kanak-kanak yang lambat menerima pengajaran guru dan mereka perlu menjalani pembelajaran dan pengajaran dua hala supaya pemikiran mereka berkembang dengan baik.

Dalam tempoh pengajaran yang telah saya laksanakan, cara lain yang digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas termasuklah menulis suku kata dengan menggunakan warna iaitu setiap suku kata akan dilambangkan dengan warna supaya murid boleh mengenal pasti cara menyebut suku kata dengan mengikut warna yang biasa mereka gunakan. Sebagai contoh, dalam pengajaran huruf "k", murid disuruh untuk membunyikan suku kata seperti ka, ke, ki, ko, ku. Terdapat murid yang tidak boleh menyebut suku kata tersebut dan ada antara mereka tidak mengenali huruf tersebut. Oleh itu, saya gunakan warna supaya mereka boleh memadankan warna dengan sebutan yang betul seperti "ka" berwarna hitam, "ke" berwarna kuning, "ki" berwarna hijau, "ko" berwarna biru dan "ku" berwarna merah. Dengan menggunakan warna ini dapat menggalakan kanak-kanak untuk mengenali suku kata dengan sebutan yang betul. Penggunaan warna ini juga diteruskan dengan menyebut suku kata yang bermula dengan konsonan L, M, N dan seterusnya.

Dalam pembelajaran dan pengajaran menyebut suku kata dengan menggunakan warna ini, masih juga terdapat kanak-kanak yang belum boleh mengenal perkataan setelah diberi tumpuan yang lebih terhadap mereka. Ini kerana mungkin mereka tidak diberi penegasan semasa dalam sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas walaupun diberi kerja rumah dalam bentuk penulisan. Walaupun diberi kerja rumah, tetapi murid masih juga belum boleh menguasai sebutan suku kata dengan baik. Kerja rumah tersebut kurang memberi impak terhadap penguasaan mereka dalam mengenal huruf. Walaupun mereka boleh menulis dengan betul, tetapi mereka tidak mengetahui apa yang mereka tuliskan.

Terdapat suatu ketika semasa saya menyemak kerja rumah kanak-kanak, saya membuat perbandingan tulisan mereka dengan tulisan yang mereka telah tuliskan pada lembaran kerja yang telah mereka siapkan, tulisan tersebut tidak serupa malah lebih kemas daripada tulisan pada lembaran kerja mereka. Kemungkinan kerja rumah tersebut tidak dibuat oleh kanak-kanak itu sendiri dan kemungkinan kakak atau abang atau ibu bapa mereka yang menulis untuk mereka.

Oleh itu, pelbagai persoalan yang bermain diminda saya, kenapa kanak-kanak tidak boleh belajar menulis sendiri kerja rumah tersebut. Jika mereka menulis sendiri kerja rumah tersebut tetapi dengan bimbingan daripada ibu bapa, kakak atau abang, murid tersebut boleh menulis dan menyebut suku kata tersebut dengan baik.

Justeru, saya berpendapat bahawa saya perlu mengubah teknik pengajaran saya supaya murid boleh menyebut suku kata dengan baik tanpa petunjuk daripada guru. Langkah seterusnya yang telah saya lakukan adalah dengan mengajar murid dengan menggunakan mimik muka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan tetapi lembaran kerja yang digunakan masih lagi dipakai sebagai pengukuhan murid tersebut. Teknik yang saya gunakan ini adalah hasil pemerhatian yang telah saya buat terhadap kanak-kanak di Prasekolah apabila mereka membuat mimik muka seperti orang sedih, gembira, dan menangis, kanak-kanak yang lain mengetahui perasaan melalui mimik muka yang dibuat. Hasil daripada idea tersebut, saya mula menjalankan pengajaran menyebut suku kata kepada kanak-kanak dengan menggunakan ekspresi atau mimik muka.

Mimik muka yang saya gunakan adalah dengan menggunakan pergerakan mulut. Bagi membolehkan kanak-kanak mengetahui cara sebutan suku kata, guru menunjukkan bagaimana mereka boleh mengingat suatu suku kata terbuka tersebut dengan membuat mimik muka. Antara caranya ialah sebutan suku kata 'la' disebut dengan membuka mulut sedikit besar untuk menunjukkan bahawa huruf 'a' yang berada diujung suku kata disebut dengan cara begitu. Sebutan suku kata 'le' disebut dengan membuka mulut sedikit bujur untuk menunjukkan bahawa huruf 'e' yang berada diujung suku kata disebut dengan cara begitu. Sebutan suku kata 'li' pula disebut dengan mulut dileperkan dan dilebarkan serta mimik muka seperti senyum untuk menunjukkan bahawa huruf 'i' yang terdapat pada hujung suku kata disebut dengan cara begitu. Sebutan suku kata 'lo' juga disebut dengan mulut dibulatkan untuk menunjukkan bahawa huruf 'o' yang terdapat pada hujung suku kata disebut dengan cara begitu. Akhir sekali adalah sebutan suku kata "lu" disebut dengan mulut dimuncungkan untuk menunjukkan bahawa huruf 'u' yang terdapat pada hujung suku kata tersebut disebut dengan cara yang sedemikian.

Konklusinya, saya perlu menjalankan aktiviti yang kreatif yang membolehkan kanak-kanak seronok untuk belajar dan seterusnya kanak-kanak dapat menerima ilmu yang mereka pelajari hasil pengalaman yang dilalui oleh mereka sendiri. Dengan aktiviti pengajaran yang telah saya jalankan setakat ini, kanak-kanak berasa seronok dan boleh mengikuti pembelajaran dengan baik walaupun kanak-kanak yang kurang dari segi penguasaan menyebut suku kata perlu diberi perhatian

yang sepenuhnya supaya mereka boleh belajar secara normal seperti kanak-kanak yang lain.

Isu Keprihatinan

Sepanjang berada di Prasekolah B Sekolah Kebangsaan Cemerlang, saya membuat pemerhatian terhadap tahap kebolehan kanak-kanak prasekolah untuk menerima pembelajaran terutamanya mengenal suku kata setelah lebih sebulan kanak-kanak memasuki prasekolah. Timbul perasaan khuatir terhadap kanak-kanak yang lambat menerima pembelajaran mereka semasa sesi pembelajaran dan pengajaran seperti belum pandai menyebut suku kata walaupun telah diulang berkali-kali. Terdapat segelintir kanak-kanak yang masih tidak dapat mengikuti pembelajaran secara normal seperti rakan-rakan mereka yang lain. Saya juga risau tentang masalah ini kerana sesi pembelajaran dan pengajaran boleh terganggu disebabkan kanak-kanak yang lambat menerima pembelajaran ini. Justeru, saya telah mengambil langkah yang proaktif dalam menggalakkan kanak-kanak boleh belajar bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain tanpa mengganggu sesi pembelajaran dan pengajaran serta pembelajaran yang menyeronokkan.

Fokus kajian saya adalah untuk membolehkan kanak-kanak mengenal huruf disamping dapat mengeja suku kata tanpa dibimbing oleh guru. Fokus ini dilaksanakan pada peringkat perkembangan isi iaitu semasa proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan di Prasekolah. Saya telah menumpukan perhatian penuh terhadap satu prasekolah sahaja iaitu Prasekolah B Sekolah Kebangsaan Cemerlang.

Sepanjang pemerhatian saya terhadap kanak-kanak Prasekolah B ini, terdapat kanak-kanak yang belum dapat menyebut suku kata disebabkan mereka tidak mengenal perkataan pada awal suku kata. Jika kanak-kanak mengeja suku kata secara beramai-ramai, semua kanak-kanak boleh menyebutnya dengan yakin dan apabila kanak-kanak dipilih secara rawak, mereka tidak yakin dengan suku kata yang hendak mereka sebutkan kerana mereka tidak boleh mengeja dan hanya boleh mengeja jika beramai-ramai menyebut suku kata tersebut.

Keadaan ini berlaku akibat kanak-kanak hilang fokus semasa sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Semasa menyebut suku kata beramai-ramai, kanak-kanak akan menyebut sahaja mengikut rakan yang lain tanpa berfikir tentang apa yang mereka sebutkan. Oleh sebab itu, mereka tidak dapat menyebut suku kata tersebut jika dipilih oleh guru untuk mengeja suku kata.

Terdapat juga kanak-kanak yang tidak menyebut suku kata semasa rakan-rakan yang lain mengeja suku kata. Ini juga boleh menyebabkan kanak-kanak tersebut tidak tahu apa yang mereka hendak sebutkan. Guru perlu memberi perhatian dengan kanak-kanak seperti ini supaya mereka tidak terabai semasa sesi pembelajaran dan pengajaran dijalankan di prasekolah.

Bahan bantu mengajar telah dapat menarik perhatian kanak-kanak supaya fokus mereka adalah pada bahan bantu mengajar yang ditunjukkan oleh guru. Guru memainkan peranan dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran dengan memberi peluang kepada kanak-kanak berfikir tentang apa aktiviti yang akan dijalankan oleh guru semasa langkah pengajaran yang seterusnya. Oleh itu, tumpuan kanak-kanak boleh dikawal dengan bahan bantu mengajar yang menarik minat murid untuk belajar.

Seterusnya, teknik yang digunakan oleh guru juga perlulah menyeronokkan. Teknik yang dimaksudkan adalah aktiviti menyebut suku kata dengan menggunakan mimik muka. Kanak-kanak berasa seronok melihat perubahan muka semasa menyebut suku kata dari pada guru. Hasil daripada itu juga, kanak-kanak akan mencuba membuat perbuatan seperti itu dan secara tidak langsung murid akan mudah mengingat tentang pembelajaran mereka pada sesi kali ini.

Selepas sesi pembelajaran dan pengajaran, kanak-kanak dikukuhkan dengan membuat lembaran kerja dengan menggunakan warna yang sesuai. Semasa mereka membuat lembaran kerja, kanak-kanak secara tidak langsung akan terfikirkan tentang cara sebutan suku kata yang telah mereka pelajari sebentar tadi sambil meneruskan kerja mereka. Jadi, pengukuhan ini perlu dibuat supaya mereka boleh mengingat dengan baik cara menyebut suku kata dengan betul.

Kesimpulannya, teknik pengajaran seperti yang dinyatakan amat penting dalam pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak di prasekolah supaya mereka boleh menguasai dan boleh menyebut suku kata dengan baik. Jadi, tidak hairanlah mengapa kanak-kanak prasekolah akan belajar bersungguh-sungguh jika mereka berminat untuk melakukannya.

Objektif Kajian

Objektif kajian tindakan yang telah saya jalankan adalah seperti berikut:-

- 1) Membantu kanak-kanak mudah untuk mengenal serta menyebut suku kata melalui penggunaan mimik muka.
- 2) Penggunaan ekspresi mimik muka juga membolehkan kanak-kanak senang untuk menerima pembelajaran suku kata dengan berkesan.
- 3) Membolehkan kanak-kanak untuk menguasai sekurang-kurangnya suku kata terbuka suku kata sebelum melangkah ke alam persekolahan Tahun 1.

Persoalan Kajian

1. Adakah penggunaan mimik muka boleh membantu murid untuk belajar menyebut suku kata dengan lebih berkesan?
2. Bagaimanakah penggunaan mimik muka dapat mengubah teknik pembelajaran murid di dalam kelas?
3. Bolehkah murid menyebut suku kata hasil bantuan pernggunaan mimik muka?

TINDAKAN


Perancangan

Pertama sekali, saya telah membuat pemerhatian semasa menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran ke atas kanak-kanak Prasekolah B. Apa yang saya perhatikan, terdapat kanak-kanak yang masih tidak boleh mengeja suku kata dengan baik. Saya juga telah menguji setiap kanak-kanak untuk mengeja dan menyebut suku kata dan hasilnya terdapat kanak-kanak yang masih belum mengenal suku kata. Dari situlah saya telah memulakan kajian saya terhadap mereka.

Saya juga telah membuat perbincangan bersama dengan guru prasekolah tentang masalah tersebut. Guru prasekolah juga mengakui bahawa terdapat segelintir kanak-kanak yang tidak boleh mengenal suku kata serta tidak boleh menyebut suku kata. Terdapat kanak-kanak yang tahu menyebut suku kata tapi mengambil sedikit masa untuk kanak-kanak tersebut berfikir tentang huruf yang ditunjukkan. Saya bersama dengan guru prasekolah juga mencari jalan penyelesaian terhadap masalah tersebut.


Pelaksanaan

Semasa menjalankan praktikum, saya telah mendapat satu idea bagaimana untuk mengajar kanak-kanak yang lemah dalam mengenal dan menyebut suku kata dengan betul iaitu dengan memberi lembaran kerja bertulis dimana kanak-kanak akan menulis suku kata dengan cara mengulang. Cara yang telah saya gunakan ini adalah teknik peneguhan, kanak-kanak yang menulis secara berulang akan mudah mengingat apa yang mereka tuliskan. Saya telah menyediakan satu lembaran kerja yang menyuruh kanak-kanak mengeja dan menulis suku kata pada ruang yang disediakan seperti contoh dalam Gambar 1.



Gambar 1: Contoh lembaran kerja suku kata pada langkah pertama.


Hasil penambahbaikan daripada lembaran kerja tersebut, saya telah membuat petak kosong di bawah suku kata tersebut. Hal ini memudahkan kanak-kanak menulis suku kata dengan tersusun dan kemas. Contoh lembaran kerja adalah seperti dalam Gambar 2.



Gambar 2: Lembaran kerja suku kata ini telah direka bagi membolehkan kanak-kanak menulis dalam ruang yang telah disediakan

Selain daripada itu, saya juga telah menambahbaik warna tulisan daripada hitam kepada warna warni seperti yang terdapat pada Gambar 3. Tulisan "la" masih

dikekalkan dengan warna hitam, tulisan "le" ditukarkan kepada warna jingga, tulisan "li" ditukarkan kepada warna ungu, manakala tulisan "lo" ditukarkan kepada warna hijau dan tulisan "lu" ditukarkan kepada warna biru. Hal ini memudahkan kanak-kanak membezakan tulisan dan cara sebutan bagi setiap suku kata yang mereka tulis.



Gambar 3: Lembaran kerja suku kata telah ditambah baik dengan meletakkan warna pada setiap suku kata.

Semasa kanak-kanak membuat lembaran kerja ini, terdapat sedikit peningkatan terhadap suku kata yang telah mereka tuliskan. Dengan menggunakan warna, kanak-kanak boleh mengecam suku kata tersebut tetapi masih memerlukan bimbingan daripada guru.

Semasa mengajar kanak-kanak menulis suku kata tersebut, saya secara tidak sengaja telah menggunakan ekspresi muka semasa mengajar kanak-kanak tersebut secara individu. Dari situ, saya juga bercadang untuk menggunakan mimik muka bagi memberi gambaran yang lebih jelas untuk menunjukkan cara menyebut suku kata. Jadi, saya telah membuat percubaan untuk mengajar suku kata dengan menggunakan mimik muka di semasa mengajar suku kata.

Saya telah mengaplikasikan teknik penggunaan mimik muka bagi mengajar kanak-kanak cara untuk mengenal dan menyebut suku kata dengan betul. Contoh mimik muka mengikut suku kata dengan menggunakan huruf 'l' ialah:

- Sebutan suku kata 'la' disebut dengan membuka mulut sedikit besar untuk menunjukkan bahawa huruf 'a' yang berada di hujung suku kata disebut dengan cara begitu.
- Sebutan suku kata 'le' disebut dengan membuka mulut sedikit bujur untuk menunjukkan bahawa huruf 'e' yang berada di hujung suku kata disebut dengan cara begitu.
- Sebutan suku kata 'li' pula disebut dengan mulut dileperkan dan dilebarkan serta mimik muka seperti senyum untuk menunjukkan bahawa huruf 'i' yang terdapat pada hujung suku kata disebut dengan cara begitu.
- Sebutan suku kata 'lo' juga disebut dengan mulut dibulatkan untuk menunjukkan bahawa huruf 'o' yang terdapat pada hujung suku kata disebut dengan cara begitu.
- Akhir sekali adalah sebutan suku kata 'lu' disebut dengan mulut dimuncungkan untuk menunjukkan bahawa huruf 'u' yang terdapat pada hujung suku kata tersebut disebut dengan cara yang sedemikian.

Bagi membuat penilaian terhadap kanak-kanak tentang penguasaan pembelajaran mereka, kanak-kanak diminta menulis pada papan tulis tentang suku kata yang dipilih dan dikehendaki menyebut suku kata tersebut. Selain itu, kanak-kanak disoal

dengan suku kata yang ditunjukkan oleh saya semasa sesi pembelajaran dan pengajaran dijalankan dan mereka diminta menyebut suku kata dengan mimik muka yang telah mereka pelajari.

Semasa pengajaran dijalankan terhadap semua kanak-kanak, saya cuba menilai kanak-kanak yang telah difokuskan dan memberi perhatian yang lebih terhadap mereka supaya mereka boleh menguasai sebutan suku kata tersebut. Saya juga telah meminta mereka yang saya fokuskan untuk menulis sambil menyebut suku kata yang diberikan. Saya juga berterusan membimbing mereka untuk mengenal dengan menggunakan mimik muka yang telah dibuat. Setelah selesai pembelajaran dan pengajaran, kanak-kanak ada diberikan lembaran kerja seperti dalam Gambar 3 mengikut suku kata yang telah mereka pelajari pada masa tersebut. Seterusnya, saya telah membuat refleksi tentang perkembangan pembelajaran murid yang saya fokuskan.

Pada peringkat akhir kajian saya, saya telah menilai kanak-kanak yang lemah dalam suku kata iaitu 2 orang kanak-kanak lelaki dan seorang kanak-kanak perempuan. Bukti penilaian telah saya ambil melalui rakaman video yang telah menunjukkan ketiga-tiga kanak-kanak tersebut sudah boleh menyebut suku kata dengan lancar secara rawak.

METODOLOGI

Saya telah menjalankan kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah menemubual, pemerhatian dan rakaman video.

Peserta Kajian

Dalam kajian yang telah saya jalankan, saya fokus kepada kanak-kanak yang bermasalah dalam pembelajaran terutamanya kanak-kanak yang belum boleh mengenal dan menyebut suku kata dengan sebutan yang betul dan lancar. Saya telah menasarkankan 3 orang kanak-kanak yang benar-benar belum mengenal huruf. Salah seorang daripada mereka adalah perempuan manakala 2 orang lagi lelaki. Mereka adalah berusia dalam umur 6 tahun dengan latar belakang yang hampir sama iaitu perkampungan di pinggir bandar.

Etika Penyelidikan

Kajian yang telah dijalankan adalah memenuhi syarat dan garis panduan etika penyelidikan yang telah ditetapkan. Sebelum menjalankan kajian ini, pihak institut telah meminta kebenaran daripada pihak sekolah secara rasmi untuk membenarkan saya untuk menjalankan kajian di sekolah tersebut. Selain itu, saya telah meminta kebenaran daripada peserta kajian itu sendiri.

Teknik Pengumpulan Data

Semasa mengumpul maklumat atau data, saya telah menggunakan beberapa kaedah yang sesuai dalam kajian saya. Antaranya ialah sesi temubual bersama guru. Saya telah berbincang bersama guru pembimbing tentang masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak. Dalam perbincangan tersebut saya juga bertanyakan tentang penglibatan kanak-kanak semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di

Prasekolah. Selepas itu, mengambil maklumat yang penting tentang kanak-kanak daripada guru termasuklah latar belakang kanak-kanak, tingkah laku kanak-kanak dan sifat kanak-kanak tersebut.

Teknik pengumpulan data yang kedua ialah sesi temubual bersama kanak-kanak prasekolah. Saya juga sering bersoal jawab dengan kanak-kanak bagi mengetahui permasalahan yang mereka hadapi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung di Prasekolah. Saya meminta kanak-kanak untuk berterus terang tentang apa yang mereka kurang faham semasa sesi pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan di Prasekolah.

Teknik pengumpulan data yang ketiga ialah melalui teknik pemerhatian. Saya telah membuat pemerhatian tingkah laku kanak-kanak semasa proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan di Prasekolah. Saya juga telah memerhatikan penglibatan kanak-kanak semasa sesi pembelajaran dan pengajaran yang mereka jalani di prasekolah bersama guru. Selain itu, saya juga melihat kemampuan kanak-kanak dalam mengenal dan menyebut suku kata yang telah diajar oleh guru. Dengan itu, saya cuba untuk menguji kanak-kanak dengan mengenal, menulis dan menyebut suku kata dengan betul.

Teknik pengumpulan data yang keempat ialah melalui rakaman video. Rakaman video telah dibuat ke atas kanak-kanak yang telah dipilih bagi membuktikan bahawa kanak-kanak tersebut sudah boleh menyebut suku kata dengan baik tanpa bimbingan daripada guru. rakaman video telah dilampirkan didalam CD yang disertakan bersama kajian ini.

Teknik Menganalisis Data

Analisis data telah dibuat melalui pemerhatian dengan melihat aspek berkenaan tahap kebolehan kanak-kanak untuk menyebut suku kata dengan menggunakan jadual. Hasil pemerhatian telah saya rekodkan dalam jadual. Analisis data yang telah saya lakukan adalah bersifat kualitatif. Jumlah kanak-kanak yang langsung tidak boleh menyebut suku kata adalah seramai 3 orang kanak-kanak. Oleh itu, saya telah memberi fokus yang lebih terhadap ketiga-tiga mereka.

Justeru, saya telah membuat satu cara yang terbaik untuk membolehkan kanak-kanak untuk mengenal suku kata. Aktiviti ini buka sahaja sangat menarik tetapi boleh membolehkan kanak-kanak berasa seronok untuk mempelajarinya dan sekaligus membolehkan mereka mengingat cara menyebut suku kata dengan betul. Berikut merupakan contoh mimik muka yang digunakan untuk menyebut suku kata dan keterangan kepada mimik muka tersebut:

- a. Sebutan suku kata 'la' disebut dengan membuka mulut sedikit besar untuk menunjukkan bahawa huruf 'a' yang berada diujung suku kata disebut dengan cara begitu.
- b. Sebutan suku kata 'le' disebut dengan membuka mulut sedikit bujur untuk menunjukkan bahawa huruf 'e' yang berada diujung suku kata disebut dengan cara begitu.

- c. Sebutan suku kata 'li' pula disebut dengan mulut dileperkan dan dilebarkan serta mimik muka seperti senyum untuk menunjukkan bahawa huruf 'i' yang terdapat pada hujung suku kata disebut dengan cara begitu.
- d. Sebutan suku kata 'lo' juga disebut dengan mulut dibulatkan untuk menunjukkan bahawa huruf 'o' yang terdapat pada hujung suku kata disebut dengan cara begitu.
- e. Akhir sekali adalah sebutan suku kata 'lu' disebut dengan mulut dimuncungkan untuk menunjukkan bahawa huruf 'u' yang terdapat pada hujung suku kata tersebut disebut dengan cara yang sedemikian.

DAPATAN

Dapatan Kajian

Hasil yang telah diperoleh telah membuktikan bahawa penggunaan mimik muka boleh membantu kanak-kanak untuk menyebut suku kata dengan baik sekali. Aktiviti yang boleh menarik perhatian kanak-kanak seperti aktiviti menggunakan mimik muka ini telah memberi keseronokan kepada kanak-kanak untuk belajar di prasekolah.

Selain daripada memberi keseronokan semasa sesi pembelajaran dan pengajaran, teknik ini juga sangat berkesan. Guru yang mengajar dengan menggunakan mimik muka ini memerlukan penampilan yang menarik, ceria dan mempunyai unsur kecindan. Bagi guru yang memahami cara menggunakan mimik muka untuk mengajar menyebut suku kata, mudah untuk guru tersebut mengajar dengan lancar dan efektif. Kanak-kanak prasekolah juga dapat menerima pengajaran guru dengan berkesan.

Pada kebiasaan guru prasekolah, mereka akan mengajar kanak-kanak menyebut suku kata dengan teknik yang lama iaitu guru menunjuk sambil menyebut suku kata dan kanak-kanak akan mengikut apa sahaja yang dibuat oleh guru. Untuk mengelakkan pengajaran yang membosankan, tidak salah bagi guru untuk mencuba inovasi yang baru bagi mentransformasikan teknik pengajaran guru disamping pembelajaran murid yang berkesan hasil kerja kreatif guru.

Penggunaan mimik muka ini merupakan suatu idea yang kreatif dalam mempelbagaikan teknik pengajaran guru prasekolah. Justeru, tidak hairanlah mengapa kanak-kanak sangat berminat dengan suatu yang baru kerana bagi mereka, setiap perkara baru yang mereka lihat adalah suatu yang menarik.

Hasil kajian telah dibuktikan dengan aktiviti yang telah dilaksanakan semasa sesi pembelajaran dan pengajaran di Prasekolah. Kanak-kanak yang telah diketahui masalahnya telah dibimbing untuk membolehkan mereka mengenal dan sekaligus membolehkan mereka menyebut suku kata dengan tepat. Gambar 4 menunjukkan kanak-kanak yang difokuskan telah boleh menulis sambil menyebut suku kata dengan betul hasil aktiviti pembelajaran dan pengajaran menggunakan mimik muka.

Pada mulanya, murid diberi lembaran kerja seperti dalam Gambar 1, Gambar 2 dan Gambar 3 mengikut perkembangan penambahbaikan. Apa yang telah diperhatikan, kanak-kanak hanya menulis suku kata mengikut apa yang telah ditulis dalam lembaran kerja. Kanak-kanak menulis dengan cara yang tidak tersusun kerana tidak mempunyai tempat yang spesifik untuk menulis semula suku kata sama ada ke bawah atau ke tepi. Ada juga kanak-kanak yang menulis suku kata mengikut dimana yang mereka suka sama ada mahu menulis diatas, dibawah, ditepi atau ditengah. Gambar 4 menunjukkan hasil kerja murid yang telah menulis suku kata yang tidak kemas.




Gambar 4: tulisan salah seorang daripada kanak-kanak yang telah difokuskan.

Gambar 5 pula menunjukkan sedikit peningkatan terhadap penulisan kanak-kanak tersebut. Hasil daripada penulisan ini, kanak-kanak sudah boleh menulis dengan sedikit kemas dan tersusun. Tetapi, masalah masih lagi timbul walaupun kanak-kanak sudah disuruh menulis secara berulang. Kanak-kanak masih tidak tahu tentang sebutan suku kata walaupun telah diajar berulang kali dan ditambah dengan menulis dalam lembaran kerja.



Gambar 5: Hasil kerja murid setelah lembaran kerja dibuat petak bagi setiap suku kata.

Daripada permasalahan ini, saya juga telah mencuba cara yang lain iaitu mewarnakan setiap suku kata dengan warna tersendiri. Sebagai contoh, suku kata "la" berwarna hitam, suku kata "le" berwarna jingga, suku kata "li" berwarna ungu, suku kata "lo" berwarna hijau dan suku kata "lu" diletakkan warna biru. Contoh hasil kerja kanak-kanak adalah seperti dalam Gambar 6.




Gambar 6: Lembaran kerja yang dihasilkan oleh kanak-kanak yang menunjukkan sedikit peningkatan pada penulisan.

Dalam pada itu, saya telah menjalankan ujian terhadap kanak-kanak yang telah difokuskan dengan menilai mereka pada peringkat akhir. Saya telah menguji seorang demi seorang secara individu untuk mengetahui sama ada mereka boleh menyebut suku kata atau tidak. Gambar 12 menunjukkan Jerry dinilai dengan suku kata mengikut turutan seperti sa, se, si, so, su. Diikuti dengan pa, pe, pi, po, pu dan seterusnya ma, me, mi, mo, mu. Apa yang dapat diperhatikan melalui penilaian ini, Jerry boleh menyebut suku kata dengan betul tetapi mengambil sedikit masa untuk memikirkan apakah suku kata yang telah ditunjukkan mengikut urutan tersebut. Jerry juga berfikir dahulu sebelum menyebut suku kata yang ditunjukkan.



Gambar 12: Jerry sedang menyebut suku kata mengikut urutan suku kata.

Kemudian, saya menguji Danie dengan menggunakan suku kata yang lain iaitu ja, je, ji, jo, ju seterusnya na, ne, ni, no, nu dan la, le, li, lo, lu. Apa yang boleh diperhatikan melalui penilaian ini, Danie sudah boleh menyebut suku kata dengan lancar dan tidak mempunyai masalah dalam mengenal suku kata. Danie diuji pula dengan sebutan suku kata secara rawak. Walaubagaimana pun, Danie boleh menyebut suku kata tersebut tetapi memerlukan bantuan mimik muka guru untuk mengenalpasti cara sebutan suku kata yang ditunjukkan. Setelah guru menunjukkan mimik muka yang betul, barulah Danie boleh meneka dan menyebut suku kata dengan betul. Gambar 13 menunjukkan Danie dinilai secara rawak suku kata yang dipilih.



Gambar 13: Danie menyebut suku kata mengikut urutan dan juga menyebut secara rawak

Seterusnya, ujian dijalankan ke atas seorang lagi kanak-kanak iaitu Wawa. Suku kata yang saya gunakan untuk menjalankan ujian ini adalah ca, ce, ci, co, cu, ha, he, hi, ho, hu, ka, ke, ki, ko, ku. Secara urutan, Wawa boleh menyebut suku kata dengan baik manakala secara rawak juga Wawa dapat mengenal dan menyebut dengan baik sekali. Gambar 14 menunjukkan Wawa sedang diuji.



Gambar 14: Wawa sedang membunyikan suku kata yang ditunjukkan oleh guru.

kanak sebenarnya boleh menyebut suku kata dengan betul jika teknik yang digunakan untuk mengajar tersebut adalah sesuai, menarik dan menyeronokkan. Ini menunjukkan kanak-kanak yang telah difokuskan seperti Jerry, Danie dan Wawa sudah boleh menyebut suku kata dengan baik walaupun memerlukan bimbingan daripada guru.

REFLEKSI

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Semasa menjalankan penyelidikan kajian ini, saya telah memperoleh pelbagai ilmu baru yang sangat berguna untuk menjalankan pengajaran di prasekolah. Selain itu, kajian ini telah memberi pengalaman yang cukup bermakna untuk saya terutamanya dalam mengawal kanak-kanak yang mempunyai tingkah laku yang negatif. Pelbagai kemahiran telah saya peroleh dalam menjalankan sesi pembelajaran dan pengajaran terhadap kanak-kanak prasekolah.

Kemahiran baru yang telah diperoleh telah saya aplikasikan dalam pembelajaran dan pengajaran saya di prasekolah. Selain itu, pengalaman yang diperoleh ini juga membolehkan saya untuk mengawal tindakan saya terutamanya sikap saya sendiri

iaitu menjadi seorang yang penyabar dengan tingkah laku kanak-kanak prasekolah yang pelbagai ragam.

Semasa mengajar kanak-kanak prasekolah, tahap pemikiran saya juga telah berubah mengikut tahap pemikiran kanak-kanak prasekolah supaya saya sendiri boleh mengetahui apa sebenarnya yang dikehendaki oleh kanak-kanak untuk memastikan mereka boleh belajar sesuatu daripada setiap aktiviti yang telah dilaksanakan.

Dalam pada masa yang sama, saya juga belajar untuk menerima setiap kelemahan dan kekurangan yang terdapat pada diri saya sendiri dengan membuat refleksi sendiri setelah selesai sesi pembelajaran dan pengajaran atau melalui perbincangan bersama dengan guru prasekolah.

Untuk menjadi seorang guru yang berdedikasi, seorang guru hendaklah menghargai hasil kerja dan tingkah laku kanak-kanak yang positif supaya mereka boleh merasakan diri mereka dihargai oleh guru jika tindakan yang mereka lakukan tersebut adalah betul.

Kajian yang telah saya lakukan ini sangat memberi manfaat dan faedah bukan sahaja terhadap diri saya, malah terhadap sistem pembelajaran dan pengajaran yang dilaksanakan diprasekolah. Selain itu, faedah ini juga boleh dikongsi bersama dengan guru prasekolah bagi meningkatkan kemahiran mengajar kanak-kanak prasekolah.

Oleh itu, kajian ini telah membantu saya dalam melengkapkan diri dengan norma dan nilai keguruan serta profesionalisme perguruan. Hal ini juga telah memperbaiki amalan sendiri saya dalam menyelesaikan masalah semasa sesi pembelajaran dan pengajaran terhadap kanak-kanak di prasekolah.

Cadangan kajian lanjutan

Saya bercadang untuk menjalankan kaedah ini dengan lebih efektif pada masa akan datang. Oleh itu, saya mungkin akan menggunakan bahan bantu mengajar yang lebih menarik jika kaedah ini diteruskan. Ini kerana, kanak-kanak perlu didedahkan dengan bahan maujud supaya mereka akan lebih memahami konsep yang diterapkan dalam pembelajaran dan pengajaran menyebut suku kata.

RUJUKAN

Abdul Aziz Abd. Talib, 2000. *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Abdul Aziz Abdul Shukor, Ramlah Jantan, Suppiah Nachippan. (2008). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur. Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Abdul Rahman Rashid. (1995). Kepentingan alat bantu mengajar dalam pengajaran bahasa, *Jurnal Teknologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Ahmad Fadzli Fauzi. (2009) *Bagaimana Merangsang Seronok Belajar*. Kuala Lumpur : PTS Professional.
- Bahagian Pendidikan Guru (2001). *Garis Panduan Kursus Penyelidikan Maktab Perguruan*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- BISHOP, C.H. Transfer effects of word and letter training in reading. *Journal of Verbal Learning and Verbal Behavior*, (1964), 3, 215-221.
- Haliza, H., Joy N. S.,(2008) *Perkembangan Kanak-kanak untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ibrahim bin Ahmad. 2002. *Perkamusan Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Mohd. Radzi dan Dahlia Janan, 2006. *Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu: Penyerapan Kemahiran Bernilai Tambah*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Mary Mayesky, Ph. D. (2009) *Creative Activities for Young Children*. Amerika : Delmar
- Marzuki Nyak Abdullah, 1994. *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd. Sharani Ahmad. (2004) *Mengurus kanak-kanak yang susah belajar*. Pahang : PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Pearson Longman. 2008. *Kata Banyak Makna*. Selangor. Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Raminah Haji Sabran dan Rahim Syam, 1985. *Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Siti Shuhada Binti Lukman. (2011). Teknik permainan “Kotak Suku Kata” membantu kemahiran mengeja dan menyebut suku kata terbuka (KV) kanak-kanak Prasekolah.
- Siti Zaharah Binti Muwaaz. (2011). Penggunaan album bergambar meningkatkan kemahiran membaca suku kata KV+KV kanak-kanak.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Jamaludin Badusah. (2010). Masalah membaca murid-murid sekolah rendah di Brunei Darussalam: *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35 (2): 77-85.
- Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2011). Fonologi perkataan yang berkata akar satu suku kata dalam Bahasa Melayu. *Jurnal e-Bangi*.

Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP KG(BM) ambilan Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms.169-185.

Florence, T., et.al(2010) *Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

Abstrak Kajian Tindakan. Diperoleh pada 1 September 2012 dari <http://researchipbmm2008.blogspot.com/2011/12/abstrak-kajian-tindakan-pismp-sem-8-c.html>

Proposal Kajian Tindakan. Diperoleh pada 1 Mac 2012 dari [http://www.scribd.com/Kajian Tindakan Prasekolah](http://www.scribd.com/Kajian_Tindakan_Prasekolah). Diperoleh pada 1 Mac 2012 dari <http://www.docstoc.com/>

Kajian Tindakan. Diperoleh pada 1 Mac 2012 dari <http://ppdkt.net/>
Contoh Kertas Cadangan Kajian Tindakan. Diperoleh pada 1 Mac 2012 dari <http://www.scribd.com/>